



### RAI ANAK YATIM

SERAMAI 65 anak yatim dan 35 ibu tunggal Yayasan Nurul Yaqeen, Kuala Lumpur menerima sumbangan Aidilfitri dan duit raya pada majlis berbuka puasa anjuran Perkhidmatan Keretapi Elektrik (ETS) di Stesen Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, anak-anak yatim serta ibu tunggal tersebut diraikan dengan pelbagai hidangan juadah berbuka puasa yang menyelerakan.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Ketua Pegawai Eksekutif ETS, Azizullah Kinayatullah, Presiden KTMB, Dr. Aminuddin Adnan dan Pengarah Yayasan Nurul Yaqeen, Nor Zariah Jamari.

■ AMINUDDIN Adnan (kiri) menyampaikan sumbangan Aidilfitri dan berbuka puasa kepada anak-anak yatim dan ibu tunggal di Pejabat KTM Stesen Kuala Lumpur, semalam.  
- UTUSAN/ZULHAFIZ HANAFI



### TELEKUNG BARU

SAMBUTAN Aidilfitri kepada 30 anak-anak terbiar yang berdaftar di bawah Rumah Nur Salam kali ini lebih bermakna apabila mereka menerima sumbangan telekung dan duit raya daripada Pergerakan Puteri UMNO.

Naib Ketua Puteri UMNO, Shahanim Mohamad Yusoff berkata, anak-anak terbiar tersebut telah dibawa ke Jalan Masjid India untuk membeli telekung baru sempena Aidilfitri nanti.

"Anak-anak yang terpilih hari ini adalah mereka yang telah dikenal pasti oleh pihak kami bahawa mereka daripada golongan yang tidak berkemampuan.

"Amat menyedihkan kerana ada di antara mereka yang tidak mempunyai telekung, jadi saya memilih untuk membawa mereka membeli telekung dan memberikan mereka duit raya untuk membeli sendiri baju baru," katanya kepada pemberita di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, anak-anak ini juga akan dibawa ke kaunter zakat di situ untuk menunaikan ibadat membayar zakat fitrah.

"Ini juga merupakan pendekatan kepada kanak-kanak ini mengenai kewajipan menunaikan zakat kerana ada antara mereka yang tidak mengetahui apa itu zakat fitrah.

"Resit pembayaran zakat ini akan diberikan kepada anak-anak ini untuk ditunjukkan kepada ibu mereka bahawa zakat fitrah mereka telah ditunaikan," katanya.

■ SHAHANIM Mohamad Yusoff membantu seorang kanak-kanak Rumah Nur Salam mencuba telekung baru di sebuah kedai di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, semalam.



MENTERI Pelancongan, Datuk Sri Dr. Ng Yen Yen bersama sebahagian kakitangan Kementerian Pelancongan dan wartawan pada majlis berbuka puasa kementerian tersebut di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, semalam.



### BERAMAH MESRA

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (tengah) beramah mesra dengan orang ramai pada program Semarak Ramadan Komuniti Disayangi di Tapak Depoh Tunda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Lorong Tunku Abdul Rahman 1, Kuala Lumpur, semalam.